

Tiada keraguan



>>Oleh Kamarulzaman Pid

amar@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Tiada sebarang halangan atau keraguan daripada segi hukum syarak bagi penggunaan dakwat khas untuk menanda jari pengundi dalam pilihan raya umum akan datang.

Majlis Fatwa Kebangsaan yang bermesyuarat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), di sini, semalam, membenarkan kaedah yang akan digunakan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), itu.

Pengerusinya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata keputusan itu dibuat selepas pihaknya mendapat penjelasan daripada Jabatan Kimia dan kumpulan pengkaji di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Keputusan itu dibuat berdasarkan tiga alasan iaitu dakwat itu tidak mengandungi unsur najis, tidak menyekat air daripada sampai ke kulit dan tidak mendatangkan kemudaratan yang jelas untuk dipakai pada jari dan kuku.

“Justeru, tidak ada halangan daripada segi hukum dan tidak ada keraguan,” katanya pada sidang media selepas mempeperusikan mesyuarat itu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Muhamad Sheikh Abdul Aziz.

Beliau mengulas mengenai cadangan SPR bagi menggunakan dakwat itu dalam pilihan raya umum datang untuk mengelakkan sebarang penipuan.

Cadangan itu mendapat reaksi daripada umat Islam di negara ini yang ragu mengenai penggunaannya berikutan dakwat itu hanya boleh hilang dalam tempoh dua hingga tiga hari dan sama ada wuduk mereka sah atau tidak selepas menggunakan dakwat berkenaan.

Dr Abdul Shukor berkata, fatwa baru bagi penggunaan dakwat yang diimport khas dari



DR ABDUL SHUKOR...tidak perlu fatwa baru

India itu tidak perlu kerana kajian yang dijalankan hanya bagi menentukan sama ada ia menghalang umat Islam daripada mengambil wuduk dan beberapa kewajipan lain.

“Fatwa mengenai kaedah penggunaan dakwat ini tidak perlu,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Wan Muhamad berkata, keputusan mengenai kebenaran yang dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan akan dimaklumkan secara rasmi kepada SPR.

“Kita akan memaklumkan perkara ini kepada mereka bagi membolehkan mereka mengambil langkah sewajarnya,” katanya.

Kelmarin, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, menyatakan bahawa fatwa berhubung perkara itu perlu bagi mengelakkan timbul keraguan dan syak di kalangan umat Islam bahawa dakwat khas itu boleh merosakkan ibadat.

“Dakwat khas ini kita peroleh dari India dan ia meresap ke dalam kulit, bukan seperti bahan pewarna kuku wanita yang hanya melekat di bahagian atas kuku dan menghalang pengaliran air. Kita juga difahamkan dakwat khas itu tidak mengandungi bahan yang dilarang dalam Islam,” katanya.